

Pusat pengundian PRK Kuala Besut mula ditutup tepat jam 5 petang
Malaysian Insider
July 24 , 2013
OLEH MOHD FARHAN DARWIS

Tepat jam 5.00 petang hari ini, semua lapan tempat membuang undi bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Besut ditutup.

Sejumlah 14,108 pengundi membuang undi dengan jumlah keseluruhan yang mengundi kali ini adalah 79.78 peratus, kata Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Jumlah keseluruhan pengundi di DUN Kuala Besut adalah keseluruhan pengundi berjumlah 17,683.

Keputusan PRK itu akan diumumkan jam 10.00 malam hari ini.

Ketika proses pengundian berlangsung, tiada sebarang insiden tidak diingini dilaporkan, malah proses membuang undi juga berlangsung dengan aman.

Turut berjalan lancar adalah penggunaan dakwat kekal yang benar-benar kekal selepas dakwat yang digunakan dalam Pilihan Raya 2013 menimbulkan kontroversi apabila tidak bertahan lama. - 24 Julai, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pusat-pengundian-prk-kuala-besut-mula-ditutup-tepat-jam-5-petang>